



Deltacide®

RACUN SERANGGA PEKATAN TEREMULSI (EC)
UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA
UNTUK KEGUNAAN KESIHATAN AWAM SAHAJA

Perawis Aktif: s-bioallethrin.....0.89% w/w
deltamethrin.....0.60% w/w
piperonyl butoxide...11.90% w/w
Perawis Lengai.....86.61% w/w

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN
MAKHLUK PEROSAK (PCO) BERLESEN SAHAJA
UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG
YANG TERLATIH SAHAJA.

No. Pendaftaran: LRMP. R/4643

Kandungan Bersih: 1 liter

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput:

Batch No.:

Didaftarkan oleh:

Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M)

B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm,

No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,

47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.


Tel.: 03-7801 3088

Jika berlaku KERACUNAN, sila hubungi

TALIAN KECEMASAN:

999

BACA LABEL SEBELUM GUNA



LALAT

NYAMUK

LIPAS

AWAS: a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan)

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

TANDA KERACUNAN:

Tanda Awal: Mual, muntah, cirit-birit, kerengsaan mata (kemerahan, gatal), pening, keletihan, paresthesia (rasa kebas, terbakar, sejuk, semut-semut, menyucuk, merayap), air liur berlebihan, demam, penglihatan kabur, takikardia (berdebar-debar), nafas berbunyi seperti wisel, mengantuk, sawan, koma.

Tanda Tertanggung: Tiada tanda keracunan spesifik. Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang tanda umum keracunan seperti mual, muntah, sakit perut, air liur berlebihan, sakit tekak, sesak nafas, ketat dada, takikardia (berdebar-debar, gangguan deria rasa, kemerahan pada bahagian terdedah, sawan, koma atau sebarang masalah kesihatan.

RAWATAN KECEMASAN: Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

Deltacide® ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'pyrethroid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

| SERANGGA PEROSAK | KAEDAH RAWATAN | KADAR RACUN BAGI 1 LITER AIR/DIESEL | ISI PADU SEMBURAN SEHEKTAR | CATATAN |
|--|---|-------------------------------------|----------------------------|---|
| Nyamuk (<i>Aedes aegypti</i> dan <i>Culex quinquefasciatus</i>) | Pengabutan terma (a) Luar bangunan | 2 ml (1:500) | 50 liter | Mesin keluaran tinggi |
| | (b) Dalam bangunan | 10 ml (1:100) | 10 liter | Mesin keluaran rendah |
| Lalat (<i>Musca domestica</i>) | Ultra isi padu rendah (ULV) - Luar bangunan | 20 ml (1:50) | 5 liter | 1 liter banchuan untuk setiap 2000 m ² |
| | | 200 ml (1:5) | 500 ml | Mesin keluaran rendah |
| Kumbang Tembakau (<i>Lasioderma serricorne</i>) Kupu-kupu (<i>Ephestia elutella</i>) | Pengabutan terma (a) Dalam kilang, stor atau gudang yang menyimpan biji-bijian atau tepung | 80 ml (1:12.5) | 1 liter | 1 liter banchuan untuk setiap 2000 m ² |
| | | | | |
| Lipas (<i>Blattella germanica</i> dan <i>Periplaneta americana</i>) | Pengabutan terma (a) Dalam bangunan parit dan saluran sampah | 20 ml (1:50) | 5 liter | 1 liter banchuan untuk setiap 2000 m ² |
| Kumbang Barangan Simpanan (<i>Oryzaephilus mercator</i> dan <i>Sitophilus oryzae</i>) | Ultra isi padu rendah (ULV) (a) Dalam kilang, stor atau gudang yang menyimpan biji-bijian atau tepung | 100 ml (1:10) | 1 liter | 1 liter banchuan untuk setiap 2000 m ² |

Panduan Membancuh: Disyor menggunakan mesin ULV, mesin pengabutan terma. Isikan tangki setengah penuh dengan air/diesel, campurkan **Deltacide®** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan banchu. Seterusnya, tambah baki air/diesel yang diperlukan. Jangan guna pada kadar yang lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki banchuan **Deltacide®** di dalam tangki alat penyembur.

Panduan Menyembur: Jangan sembur pada/berhampiran dengan makanan/ tempat penyediaan makanan termasuk makanan temakan. Pastikan tidak ada haiwan atau penghuni manusia di sekitar kawasan yang dirawat semasa penyemburan. Jangan memasuki kawasan semburan sekurang-kurangnya 1 jam selepas penyemburan terakhir dan pastikan pengudaraan kawasan rawatan yang betul sebelum masuk semula. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **Deltacide®** berselang-seli dengan racun serangga dari kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan berbeza.

MY79979509L

BERACUN
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

KELAS II

POISONOUS
KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF AND CHILDREN

BERACUN
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

有毒品
勿貯藏在靠近食品或
兒童所接觸的地方

நஞ்சு
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காது